



27 Mei 2021  
27 May 2021  
P.U. (A) 240

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH KAWALAN BEKALAN (PENGECUALIAN) 2021

### *CONTROL OF SUPPLIES (EXEMPTION) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KAWALAN BEKALAN 1961

PERINTAH KAWALAN BEKALAN (PENGECUALIAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5A Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Bekalan (Pengecualian) 2021.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2021.

**Pengecualian**

2. Tertakluk kepada perenggan 3, Menteri mengecualikan mana-mana pemegang lesen bagi pengedaran dan pengimportan, atau peruncitan gas petroleum cecair di bawah Ordinan Pengagihan Gas, 2016 [*Sarawak Bab 72*] daripada kehendak di bawah peraturan 3 Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 [P.U. (A) 103/1974].

**Syarat pengecualian**

3. Pengecualian di bawah perenggan 2 adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) pemegang lesen itu hendaklah memastikan bahawa bekalan gas petroleum cecair di Sarawak mencukupi pada setiap masa;

(b) pemegang lesen itu hendaklah memastikan bahawa bekalan gas petroleum cecair yang diedar, diimport atau diruncitkan olehnya adalah hanya untuk pemasaran di pasaran Sarawak melainkan dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Menteri;

(c) pemegang lesen itu hendaklah memastikan bahawa harga bersubsidi gas petroleum cecair mengikut harga yang ditentukan oleh Pengawal Harga di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723];